



MOHAMAD bersama keris tanjung Pattani.

Setiap keris ADA CERITA

BUKAN HANYA NILAI SENI, PENGUMPUL
TRADISI TUMPU ASPEK WARISAN

Oleh Nurul Husna Mahmud
metahad@hmetro.com.my

Menyanjungi warisan seni Melayu dalam pembuatan keris membuatkan Shaharim Ariffin benar-benar mendalami seni pembuatannya. Anak jati Taiping, Perak itu tekad mengenali senjata itu hinggakan setiap 36 sudut ciri yang dikatakan karakter unik dimiliki keris lama terpahat dalam ingatannya.

Mengenali setiap karakter keris, setiap senjata berkenaan diterangkannya secara terperinci dalam Pameran Melayu dan Senjata Tradisional lalu, anjuran Persatuan

Pusaka Perkerisan Kuala Lumpur (PUSAKA KL), baru-baru ini.

Tampil dalam persalinan seperti hulubalang istana, dia yang juga pengerusi program berserta ahli persatuan lain tidak kekok membelek keris dipamerkan serta saling bertukar-tukar maklumat berkenaan senjata itu.

Menurut Shaharim, penting untuk setiap individu yang mahu mengenali mahupun memiliki koleksi keris mengetahui struktur asas utama keris supaya tidak menjadi mangsa penipuan peniaga keris tidak bertanggungjawab.

Katanya, tidak kira pada bilah, hulu mahupun sarung keris, setiap daripadanya mempunyai nama yang memberi maksud mahupun fungsi tertentu.

"Saranan buat penggemar seni senjata Melayu, terutama yang rasat mengumpul keris, mereka perlu ada sedikit pengetahuan asas mengenali keris. Saya mengambil masa lebih 17 tahun untuk benar-benar mengenali jenis mahupun rekabentuk sesuatu keris.

"Saya mendapati keris

"Saya mendapati keris

SUDUT kerawang.

RUPA ekor cicak pada keris semenanjung.

RUPA sudut belalai gajah.

GARISAN membezakan aring dan bilah.

ada 36 sudut ciri yang boleh dikenal pasti pada setiapnya. Malah, dengan perbezaan ini seni keris Melayu lama dapat dikenal pasti dan dibezakan, baik daripada jenis mahupun asal tempat ia dibuat," katanya.

Shaharim berkata, dalam pameran kali ini, tiga jenis keris dipamerkan membabitkan Terengganu, Kelantan dan Pattani. Setiap negeri berkenaan mempunyai karakter tersendiri yang membezakan jenis keris antara satu sama lain.

Namun, katanya, bukan mudah membezakan ciri-ciri keris Kelantan dan Pattani kerana keduanya pernah berada dalam satu wilayah. Baginya, memadai buat peminat baru mengenali empat sudut ciri membabitkan bentuk belalai, aring, kerawang dan ekor cicak.

"Dalam pameran keris kali ini, keris dipamerkan adalah dari Terengganu, Kelantan dan Pattani. Bagi jenis keris di Kelantan mahupun Pattani, usaha mencari ciri spesifik pada keris lama, terutama berusia lebih 100 tahun, adalah sukar.

"Ini disebabkan faktor Perjanjian Bangkok pada 1909 yang termeterai di antara Siam dan Inggeris, yang menekankan senjata seperti keris perlu dihapuskan.

"Pada pengamatan saya, perbezaan ketara boleh ditemui antara keris Kelantan dan Pattani mahupun Terengganu bersandarkan kepada ciri sudut utama seperti cicak, aring, kerawang dan belalai gajah.

"Cicak ialah di bahagian belakang bilah keris. Rupa ekor cicak pada keris Kelantan mahupun Terengganu bentuknya menyerupai ekor cicak biasa tetapi untuk keris Pattani berbeza. Bentuk ekor cicak Pattani seperti ekor ikan atau mata pahat.

"Sementara aring dimiliki keris Pattani jauh lebih panjang berbanding Kelantan mahupun Terengganu. Bagi ciri kerawang dimiliki Kelantan serta Terengganu, 'bunganya' memperlihatkan pembuatan seni tangan halus sebaik dipadan dengan kerawang keris Pattani.

"Satu ciri ketara membezakan keris Terengganu dengan kedua-dua keris berkenaan ialah belalainya nampak lebih panjang. Semua ciri ini memberi pengelasan nyata buat keris khusus untuk Terengganu, Kelantan mahupun Pattani.

"Pemahaman ciri ini memudahkan golongan baru mengenali seni tradisi warisan senjata keris seperti ditinggalkan nenek moyang dulu," katanya.

Menceritakan keghairahannya selain peranan dengan kewujudan persatuan berkenaan, Shaharim berkata, hasratnya sangat besar dalam mengekalkan perincian seni pembuatan keris lama terus bertahan meskipun pembuatannya menggunakan teknologi baru.

"Saya selaku peminat keris tentu berharap keris lama ini tidak sewenang-wenangnya dibuat tanpa menitikberatkan perincian ciri asli pada keris lama. Terkilan rasanya apabila segelintir individu yang mewarisi seni pembuatan keris tidak mengikut spesifikasi rekabentuk sebenar keris dihasil-

kan datuk moyang dulu.

"Nampak isu ini mudah tetapi impaknya besar. Sebagai contoh, dalam pembuatan hulu keris, Pekaka dan Jawa Demam kadangkala sukar dibezakan kerana perinciannya sering diambil remeh.

"Contoh kesilapan yang sering saya temui dan membezakan generasi lama keris dengan baru ialah mereka mengabaikan perincian seperti garisan V hulu Pekaka, menyebabkan ciri lama itu tercemar. Secara tidak langsung warisan asli oleh datuk moyang mula terhakis apabila generasi baru meletakkan standard baru.

"Saya melihat program sebegini memberi pendedahan moral mengenai pentingnya menghargai seni warisan tradisi dalam memastikan kelangsungan pembuatan keris lama bertahan sehingga hari ini," katanya.

Penolong Setiausaha PUSAKA KL, Ermie Mahmud pula berkata, selain memberi pendedahan mengenai warisan Melayu serta senjata tradisional, terutama keris, terhadap orang awam, pihaknya berharap program itu dapat menemui kumpulan baru membabitkan senjata seni warisan terbabit.

"Sebenarnya program ini bertujuan meramaikan lagi penyertaan kalangan orang awam, terutama generasi muda, dalam mengenali seni warisan dan senjata Melayu terbabit. Bagi persatuan, program sebegini dapat menghubungkan peminat serta pengumpul seni tradisi lama.

"Bertambah ramai maksudnya lebih ramai pengumpul memperkenalkan koleksi mereka. Mungkin selepas ini keris dari negeri lain seperti Kedah, Perak mahupun Johor ditemui. Secara tidak langsung, khazanah nenek moyang ini dapat dipelihara untuk tatapan generasi akan datang," katanya.

Pengumpul keris dari Kampung Kelar, Pasir Mas, Kelantan, Mohamad Noor Awang Kechik berkata, satu kepuasan baginya menelek mahupun membelek keris dimilikinya. Katanya, setiap keris mempunyai kisah serta penceritaan tersendiri.

"Saya mengenali setiap keris bukan semata-mata aspek kesenian mengenai halus buatan tangannya, sebaliknya penceritaan mahupun kisah setiap keris dimiliki. Bukan saja dibeli, ada antara keris ini saya warisi daripada bapa dan pemberian seseorang.

"Meskipun ada koleksi keris saya pernah ditawarkan harga tinggi oleh pengumpul koleksi keris lain, saya menolak kerana koleksi berkenaan mempunyai lambang peribadi keluarga.

"Namun buat mereka yang baru memulakan hobi ini, jangan melebihi cerita daripada mengetahui ciri penting sesuatu keris. Pada saya, lebih elok mereka merujuk kepada pakar sebelum membuat pembelian untuk memiliki koleksi sendiri," katanya yang juga hadir sebagai pembentang kertas kerja dalam Seminar Keris Pattani.

Dalam program berkenaan, ada juga alat memanah diperkenalkan PUSAKA KL untuk menarik minat pengunjung mengenali aktiviti tradisional lain.

SHAHARIM (kanan), Mohamad dan Ermie (dua dari kiri) bersama rakan persatuan membelek keris.



PENGUNJUNG membelek keris dipamerkan.



ALAT memanah tradisional juga dipamerkan.

